

# Sistem pelajaran akan disesuaikan dengan masyarakat industri

UM 9 FEB 1991  
KUALA LUMPUR 18 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sistem pelajaran tempatan akan memberi penekanan kepada bidang yang lebih sesuai dengan kehendak-kehendak sebuah masyarakat perindustrian.

Menurut Perdana Menteri, bidang teknikal, pengurusan dan vokasional akan diberi lebih perhatian dari mata-mata pelajaran yang bersifat akademik seperti sejarah dan geografi.

"Itu sebabnya sekarang kita perkenalkan pelajaran kemahiran hidup di sekolah-sekolah kerana kita perlu hidup dalam persekitaran tertentu iaitu suasana perindustrian.

"Kita akan menekankan bidang pengurusan dan memberi perhatian pada bidang teknikal yang lebih sesuai dengan sebuah masyarakat perindustrian," katanya dalam program *Wawancara Bersama Perdana Menteri* yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu tahu menyesuaikan diri dalam persekitaran perindustrian, oleh itu mereka perlu memahami dan memiliki kemahiran mekanikal, elektronik, perdagangan dan urusniaga.

Menurut beliau, untuk melahirkan sebuah masyarakat yang terlatih, kerajaan akan menubuhkan lebih banyak pusat latihan dan sekolah vokasional.

"Kerajaan juga berharap sektor swasta turut meli-

batkan diri dalam bidang latihan, mengiktiraf dan menghargai dan bekerjasama dalam soal ini," tambahnya.

Perdana Menteri juga menegaskan, kerajaan akan terus dengan dasar pandang ke timurnya dalam menguruskan program latihan teknikal ini kerana sistem Jepun didapati lebih sesuai dengan kehendak negara ini.

"Sistem Jepun yang memberi penekanan kepada penglibatan berkumpulan di semua peringkat berbanding dengan sistem Jerman yang lebih tertumpu pada individu.

"Saya rasa keperluan kita besar, kita perlukan masyarakat yang terlatih. Oleh itu, sistem Jepun didapati lebih sesuai," ujarnya.

Menyentuh tentang masalah lepasan institusi pengajian tinggi pula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mereka tidak boleh lagi menganggap diri masing-masing istimewa.

"Saya percaya semua mereka yang keluar dari universiti-universiti mesti belajar dari bawah dan tidak terus memegang jawatan tinggi sebagai yang diharapkan sebelum ini," katanya.

Menurutnya, di Jepun lepasan universitinya memulakan kerjaya dengan bekerja di bahagian kilang sebelum menjadi pegawai tinggi.